

24/10/2003

TPM anggap terlalu awal fikir rombak Kabinet

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan memikirkan sama ada untuk membuat rombakan Kabinet dengan segera atau menunggu masa yang lebih sesuai selepas mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri ke-5 secara rasmi pada 31 Oktober ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, masih terlalu awal baginya untuk memperkatakan mengenai penyusunan semula barisan jemaah menteri itu.

Malah, katanya, beliau akan hanya membuat pengumuman sama ada akan turut mengambil alih jawatan Menteri Kewangan yang kini disandang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas 31 Oktober nanti.

"Tunggu, itu akan diumumkan.... saya akan membuat pengumuman itu kemudian, bukan sekarang. Saya tidak tahu (tarikh sebenar) tetapi saya akan terlebih dulu mengangkat sumpah," katanya.

Abdullah yang juga Menteri dalam Negeri berkata demikian ketika dikerumuni wartawan selepas melancarkan program Projek Tekad anjuran Dewan Profesional Muda Malaysia (Promuda) di sini, semalam.

Beliau ditanya seorang wartawan asing sama ada beliau akan terus merombak Kabinet dan akan mengambil alih jawatan Menteri Kewangan selepas mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri yang baru nanti.

Difahamkan, Abdullah, 64, dijangka mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri selepas sembahyang Jumaat 31 Oktober di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara.

Ditanya apakah keutamaan yang akan diberikannya dalam pentadbiran nanti, Abdullah berkata, perkara itu juga masih terlalu awal baginya untuk menjawab.

Terdahulu, dalam ucapan ringkasnya pada majlis itu, Abdullah berkata, Promuda boleh memainkan peranan dengan lebih berkesan untuk melahirkan generasi muda yang berpendidikan dan bekerja kuat.

Promuda ditubuhkan kira-kira dua tahun lalu, khusus untuk profesional berumur kurang 35 tahun bagi memenuhi keperluan golongan muda mengenal pasti isu yang menjadi perhatian mereka.

"Saya lebih suka kepada orang muda kerana mereka mempunyai banyak idea dan sanggup bekerja kuat. Saya menjangka Promuda dapat memainkan peranan penting untuk mempengaruhi golongan muda terutama di bangku sekolah supaya rajin belajar dan berjaya dalam kerjaya mereka pada masa depan," katanya.

Projek Tekad Promuda adalah satu program amal yang diusahakan Promuda dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Dalam projek itu, barisan profesional muda akan bertindak sebagai sukarelawan dalam menjalankan aktiviti membina diri dan bercorak motivasi selama dua hari bersama pelajar tingkatan tiga dan empat di sekolah menengah seluruh negara.

Satu lagi program di bawah projek Tekad itu adalah Promuda Careers X-pose iaitu segmen untuk siri televi-syen selama 30 minit yang akan disiarkan di televisyen tempatan tidak lama lagi, dengan memaparkan isu kerjaya golongan profesional muda dalam pelbagai bidang.

Sejak penubuhannya didaftarkan pada November 2000, Promuda mengadakan pelbagai aktiviti seperti siri syarahan, forum, bengkel, seminar ilmiah serta Projek X yang berkaitan dengan pengurusan, kemahiran, etika, ekonomi, polisi dan isu sejagat.

Keahlian Promuda terbuka kepada semua profesional berumur kurang daripada 35 tahun dan mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda.

Pendaftaran keahlian percuma dan dilakukan secara terus dengan melayari laman web www.promuda.com.